

MENILAI GELAGAT PENGGUNA MUSLIM DALAM PENCARIAN MAKLUMAT ISLAM SECARA ATAS TALIAN

Evaluating Muslims Behaviour In Online Searching Of Islamic Information

Azizon Sallehⁱ, Dr Kamariah Yusoffⁱⁱ, Muhammad Shukran Abdul Razakⁱⁱⁱ
& Khairul Faezi Mohd Said^{iv}

ⁱ(Corresponding author). Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.

Emel: azizon528@uitm.edu.my

ⁱⁱLecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

Emel: kamar143@salam.uitm.edu.my

ⁱⁱⁱLecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

Emel: mshukran055@uitm.edu.my

^{iv}Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

Emel: kfaezi211@uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Kemunculan Internet di dalam masyarakat dunia hari ini, menyaksikan tiada persoalan mengenai limitasi dalam pencarian maklumat Islam. Internet menyediakan pelbagai bentuk kegunaan dan maklumat seperti berinteraksi dari pelbagai hala, berbincang secara maya dan sebagainya. Capaian Internet telah meluas dan diterima oleh seluruh masyarakat dunia termasuk di negara-negara Islam. Kebanjiran maklumat Islam yang disediakan melalui Internet tidak menyediakan ciri-ciri khusus bagi memudahkan umat Islam mencari maklumat Islam dengan betul dan sahih. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menilai ciri-ciri maklumat Islam di laman web dan faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna Muslim dalam pencarian maklumat Islam secara atas talian. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini di mana survei telah dijalankan terhadap pengguna Muslim yang mencari maklumat</i></p>	<p><i>The emergence of the Internet today has no doubt given limitless access to the search of Islamic information. The Internet has provided various forms of usage and information such as multilateral interaction, virtual interaction and many more. The accessibility of the Internet is so widespread and has been widely used and accepted by the whole society in the world including in Islamic countries. While there is abundance of Islamic related information available on the Internet, there are no specific features that could help any Muslims in searching for the correct and legit information on Islamic matters. Therefore, this study aims at evaluating the characteristics of Islamic information available on the web and the factors that influence Muslim users' behaviour in searching for Islamic information. A qualitative method has been employed where a survey has been undertaken among Muslim users who search</i></p>

<p><i>Islam di laman-laman web, blog, newsgroup, laman sosial dan lain-lain. Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor yang mendorong pengguna Muslim mencari laman maklumat Islam bergantung kepada beberapa ciri-ciri yang terdapat di dalam laman web tersebut seperti kepercayaan agama, etika, perkhidmatan, hukum dan nilai di dalam kandungan sesuatu laman web. Justeru hasil kajian ini sangat penting sebagai satu panduan dalam membina reka bentuk laman web yang lebih berkualiti dan boleh dipercayai.</i></p> <p>Katakunci : Blog, Etika, Internet, Newsgroup, Survei</p>	<p><i>for Islamic information on websites, blogs, newsgroups, social media, and other online sources. The result indicated that the factors that influence Muslim users in searching for Islamic information in the web depending on several criteria such author's religious beliefs, ethics, services, law, and order. Thus, the outcome of this research is essential as a guide in building a better-quality web design and more trustworthy web content.</i></p> <p>Keyword : Blog, Ethics, Internet, Newsgroup, Survey</p>
--	---

PENDAHULUAN

Pencarian maklumat mempunyai pelbagai maksud bergantung kepada konteks. Walau bagaimanapun, dalam erti kata yang mudah, pencarian maklumat adalah proses yang melibatkan pencarian, mendapatkan, mengenal pasti dan mengaplikasi isi kandungan yang penting dan diperlukan (Kingrey, 2002). Manakala Case (2002) mendefinisikan pencarian maklumat sebagai usaha yang dilakukan secara sedar dalam mendapatkan maklumat untuk keperluan atau mengisi jurang pengetahuan. Pencarian maklumat dianggap sebagai satu usaha yang aktif untuk merapatkan "jurang" situasi yang dihadapi oleh seseorang individu. Ini bermakna, jenis maklumat yang dicari dan bagaimana maklumat itu akan digunakan untuk merapatkan jurang mestilah dilihat dalam konteks situasi individu itu sendiri. Tidak ada maklumat yang boleh dikatakan cukup untuk memenuhi keperluan setiap individu. Setiap individu akan menentukan kegunaan maklumat itu berdasarkan keperluan situasinya.

Terdapat beberapa definisi yang diberikan berkenaan dengan laman web. Nor Azah Abdul Aziz, (2009) menjelaskan Laman web adalah merupakan platform bermultimedia. Multimedia adalah merupakan gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video yang disampaikan kepada pengguna secara elektronik.⁹ Gabungan elemenelemen multimedia inilah yang menjadikan laman web lebih menarik untuk dilayari dan pengguna boleh memuat turun (download) segala maklumat yang terdiri daripada fail-fail teks, grafik, audio mahupun video yang dikehendaki. Norliza Hussin, (2013) laman web adalah satu sistem server internet yang menyokong hiperteks yang berkebolehan berhubung dengan pelbagai protokol internet dengan menggunakan satu saluran. Ia berasaskan dokumen-dokumen multimedia yang dikenali sebagai laman web. Protokol-protokol itu termasuklah untuk e-mel, FTP, Telnet dan

Usenet News. Rangkaian Web Sedunia mempunyai protokolnya sendiri yang dikenali sebagai Hypertext Transfer Protocol (HTTP).

Mohd Faisol Ibrahim (2014) Kemunculan internet serta perkembangan dalam pemprosesan dan penyimpanan data pada tahun 1990-an telah banyak mengubah persekitaran dan kepentingan penggunaan teknologi maklumat (ICT) di kalangan institusi dan masyarakat. Kewujudan ICT telah menyumbang perubahan yang ketara dalam cara penyampaian dan penyebaran maklumat dan perkhidmatan di kalangan institusi kepada para pelanggan. Di samping itu, perkhidmatan atas talian akan memudahkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan atau maklumat dengan lebih cepat dan mudah. Norazah & Mohd Amin, (2008) menjelaskan maksud laman web ialah satu halaman yang mempunyai persembahan visual yang menarik dan unik serta melibatkan grafik latar belakang, logo, saiz tulisan, butang menu dan kombinasi warna. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, laman web ialah perisian dalam komputer yang memaparkan berita-berita, maklumat serta bahan-bahan tertentu yang boleh diaplikasikan sebagai media P&P PI.

The concept of philanthropy in Islam can be divided into two categories as in Figure 1 (Othman, 2017). Despite the different forms of contribution, these two categories are still aimed at doing good to all beings (*qurba*) and getting closer to Allah SWT (*taqarrub*). Interestingly, the concept of philanthropy in Islam goes beyond doing good deeds to fellow human beings, even to all made creatures of Allah, including animals and the environment.

Maklumat Islam dalam kajian ini merujuk maklumat berkaitan dengan agama, maklumat yang terdapat dalam al-Quran dan hadis dan berkaitan hukum atau ajaran syariat iaitu aturan praktikal yang mengatur tingkah laku dan sikap seseorang muslim dalam urusan keduniaan seperti ibadah, muamalat dan pernikahan. Maklumat berkaitan hukum ijtihad yang bersifat dinamik dan boleh berubah sesuai dengan masa dan keadaan terkini sering kali menjadi persoalan agama di media sosial seterusnya memerlukan penjelasan umum berkenaan permasalahan dan isu semasa (Ab Kadir, Sahari, & Judi, 2019).

Penerimaan dan penggunaan media sosial telah berkembang dengan pesat dalam kehidupan manusia. Masyarakat Islam tidak berbeza daripada masyarakat beragama lain yang mana trend penerimaan dan penggunaan media sosial meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan. Penggunaan media sosial membawa perubahan yang mempunyai implikasi besar dalam cara masyarakat Islam berinteraksi. Topik berkaitan Islam seperti Al-Quran, Sunnah, Nabi Muhammad, Fatwa, Tafsir, Fiqh dan tafsiran Al-Quran atau Sunnah adalah antara topik yang banyak di bincang di media sosial di kalangan umat Islam. Perkembangan ini menunjukkan bahawa media sosial adalah salah satu cara yang baik untuk memberi perkhidmatan dan publisiti

kepada Islam sebagai medium dakwah atau sebagai sumber maklumat bagi pencari ilmu Islam (Pitchan, Abd Rahman & Kashim, 2018).

Pada masa kini, banyak laman Web Islam dan laman media sosial wujud dan kebanyakannya menumpu untuk menyebarkan mesej Islam dengan meningkatkan cara hidup Islam melalui pelbagai aktiviti. Ramai ulama Islam yang terkenal di dalam dan di luar negara yang aktif menggunakan media sosial sebagai satu cara untuk menyebarkan pengetahuan Islam sebagai satu tuntutan agama kepada dakwah Islam dan meningkat pemahaman gaya hidup Islam. Ulama Islam yang aktif di media sosial mempunyai bilangan pengikutnya yang ramai yang sentiasa memberi komen dan bertanya soalan mengenai topik yang menarik pada kadar hampir masa nyata. Selain daripada golongan ulama terkenal, terdapat juga sebahagian ulama lain yang kurang dikenali atau pendakwah yang mempunyai laman media sosial mereka sendiri dengan pengikut yang banyak dan kebolehpercayaan dan kewibawaan maklumat yang disiarkan di laman sosial mereka boleh dipersoalkan. Isu kewibawaan muncul apabila maklumat disediakan oleh pihak tanpa nama dan mempunyai topik hangat yang tidak disahkan dan seterusnya ditular di kalangan pengguna media sosial. Masalah semakin buruk apabila tafsiran yang tidak disahkan atau salah berkenaan maklumat Islam diterima oleh golongan belia yang semata bergantung kepada media sosial sebagai sumber ilmu pengetahuan Islam (Ab Kadir et al., 2019).

KAJIAN LITERATUR

Di abad ini, pemaparan secara elektronik atau digital dilaman web menjadi satu wadah baru kepada individu, masyarakat dan organisasi untuk memaparkan sesuatu maklumat. Masyarakat Islam juga mengambil peluang ini untuk menerbitkan maklumat dan mempromosikan imej positif Islam dari pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi, pengurusan dan sebagainya. Peluang ini diterokai kerana ia merupakan salah satu media sebaran am dan medium komunikasi yang boleh mempengaruhi, menerangkan, mempercayai dan mempelajari sesuatu ilmu. Gabungan beberapa media yang lebih dikenali sebagai multimedia juga merupakan satu bentuk penyampaian isi kandungan komunikasi yang boleh mempengaruhi dan memberi maksud/makna kepada sesuatu masyarakat atau individu tentang maklumat yang hendak disampaikan (Mohd Azul Mohamad Salleh, 2004). Laman web yang menawarkan atribut penting dan relevan menarik lebih banyak pengguna untuk belajar atau mencari maklumat mengenai Islam. Perkhidmatan dalam talian Islam akhir-akhir ini menjadi elemen penting dari banyak laman web Islam. Perkhidmatan dalam talian ini dinilai berdasarkan kemudahan perisian atau aplikasi percuma, sembang (chat) atau blog atau forum, latihan pendidikan, program pembangunan masyarakat, peluang perkahwinan dalam talian, sumbangan dalam talian, aktiviti bantuan atau

bantuan, dan perundingan langsung dengan sarjana dalam talian (Al Idrus & Solehan, 2009).

Jumlah peningkatan penggunaan internet berlaku sejak tahun 1980-an, dimana latihan yang berkaitan agama berlaku didalam talian internet. Ini bermula dengan pembentukan agama oleh kumpulan-kumpulan agama berasaskan Usenet dan e-mel. Kepelbagaian bentuk penglibatan agama mula muncul dan menarik perhatian media dan dunia akademik contohnya seperti pembinaan kuil atau gereja maya dan laman ziarah rohani dalam talian (untuk tinjauan terperinci lihat Campbell, 2006). Begitu juga pada pertengahan tahun 1990-an, para sarjana mula mengambil perhatian serius dan meneroka perkembangan amalan spiritual di internet, dan spekulasi berlaku mengenai kemungkinan kesan dari mengimport kepercayaan agama luar melalui amalan di talian internet. (Campbell, 2011)

Mansur Aliyu (2013) sebagai ciri dan platform internet yang paling asas, laman web secara teknikal didefinisikan sebagai sebilangan halaman maya yang dihubungkan antara satu sama lain dan di akses menggunakan penyemak imbas (browser). Secara teknikal, berdasarkan definisi ini, laman web Islam dapat difahami sebagai rangkaian laman web yang mengandungi kandungan Islam. Ciri laman web Islam dapat dilihat dengan mudah oleh pengguna ketika melayari laman web Islam. Ciri-ciri ini dapat mempengaruhi persepsi pengguna terhadap keaslian laman web sebagai benar-benar Islam. Penggunaan ini bergantung pada sejauh mana pengguna berpendapat bahawa ciri laman web yang disediakan adalah asli, sah, terkini, sesuai, dan tidak menyesatkan (Loiacono, Watson, & Goodhue, 2007; Song & Zinkhan, 2003). Terdapat sarjana lain yang mendapati bahawa ciri-ciri Islam adalah langkah yang sangat penting untuk menilai kualiti laman web Islam (Hameed, 2009; Mehad, Isa, Noor, & Husin, 2010).

Sebahagian penyelidik mendapati bahawa sejumlah besar pengguna Muslim telah menolak maklumat yang diperoleh dari pelbagai laman web Islam kerana kurang mempercayai kesahihannya kandungannya. Terdapat juga Kajian yang lain menunjukkan bahawa pengguna Muslim menola untuk menuntut ilmu dari laman web ini kerana kurang kepercayaan mereka terhadap kesarjanaan para sarjana Islam dalam talian. Sebahagian dari pengguna Muslim merasa tidak selesa untuk mencari ilmu Islam secara dalam talian dari sarjana yang tidak dikenali, terutama para sarjana yang tidak popular dan diiktiraf dan mereka juga tidak menerima dari pemikir-pemikir Islam yang lain. Oleh itu laman web yang sangat baik dan ber potensi serta boleh menarik lebih banyak pengguna dalam talian akan mendorong mereka untuk teruskan melayari laman web sekiranya minat pengguna tersebut selari dengan reka bentuk dan persembahan laman web tersebut. (Murni Mahmud, Abu Osman Md. Tap, Idyawati Hussein, Mansur Aliyu, 2012).

Menurut Johan (2013) istilah Web 2.0 adalah merujuk kepada generasi kedua World Wide Web yang membolehkan individu dalam talian berkolaborasi dan berkongsi maklumat. Ia secara umumnya merupakan perubahan daripada laman web yang statik kepada laman web yang lebih dinamik di mana pengguna boleh memberi input serta memuat naik bahan ke dalam laman web. Penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran didorong oleh konsep 'open educational resources' di mana maklumat serta aplikasi adalah percuma untuk digunakan tanpa kekangan kecuali terdapat pakej khusus yang perlu dibayar oleh pengguna. Konsep 'open educational resources' ini sememangnya direka bentuk supaya interaksi antara individu dalam alam maya lebih tersusun dan mudah.

Pengguna perlu memahami bahawa sebarang bentuk nilai maklumat dalam media baru datang dari pelbagai latar belakang penulisan. Terdapat dalam kalangan penulis yang hanya berniat untuk menyiarkan maklumat tanpa asas agama yang kukuh dan menyalin maklumat tersebut untuk disebar. Keadaan ini sudah tentu menghilangkan maksud asas mutawatir yang mana ilmunya diperturunkan secara sah. Berdasarkan keadaan ini, pendakwah siber dapat dibahagikan kepada beberapa kategori, kategori pertama ialah pendakwah tulen yang memiliki autoriti dalam bidang agama serta dikenali dalam kalangan masyarakat seperti Dr Zaharudin Abdul Rahman, Dato' Dr. Muhammad Izhar Ariff dan sebagainya. Kategori kedua ialah golongan pendakwah tulen yang hanya boleh dikesan melalui ketinggian ilmunya dalam mengupas isu-isu Islam tetapi kemasyhurannya belum dikenali dalam kalangan masyarakat. Kategori ketiga pula ialah golongan bukan agamawan tetapi berminat dengan menjalankan dakwah dan penyebaran maklumat agama melalui laman sesawang. (Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, 2017).

Jenis maklumat yang diterbitkan dan dipaparkan dilaman web merangkumi Pendidikan, ekonomi, politi, pelancongan, kebudayaan dan kesenian.). Sebagai contoh maklumat yang berkaitan al Quran dalam laman web juga terdiri dari pelbagai bentuk iaitu terjemahan atau tafsir al-Quran dalam pelbagai Bahasa, artikel2 mengenai Islam dan sebagainya. Kemudahan laman web ini telah digunakan untuk menyebarkan ajaran Islam kerana merupakan kaedah yang senang dicapai oleh masyarakat seluruh dunia. Tetapi, proses perlaksanaannya perlulah secara bijaksana mengikut keadaan dan perkembangan semasa. Dalam pelaksanaan Dakwah dan penerbitan maklumat islam, masyarakat harus memanfaatkan hasil penemuan dan kemajuan sains dan teknologi agar keberkesanan dapat dipertingkatkan. (Mohd Azil Mohamad Salleh & Nor Azita Ghani,2003).

LAMAN WEB ISLAM

Terdapat banyak laman web Islam yang menjadi sumber rujukan bagi orang Islam. Laman web kerajaan seperti JAKIM, IKIM, JAIS, Pejabat Mufti dan lain-lain adalah terbukti diyakini kesahihannya. Berikut merupakan senarai laman web Islam di Malaysia:


https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media	Laman web rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
http://www.ikim.gov.my/	Laman web rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia
https://mira.gov.my/ (Hal Ehwal Agama)	Laman web rasmi Pejabat Menteri
http://zaharuddin.net/	Laman web rasmi Ustaz Dr. Zaharuddin Abd Rahman, Penerima Anugerah Media Islam Negara Ke-3, Laman Web Islamik terbaik
http://mohddauidbakar.com/	Laman web rasmi Datuk Dr. Mohd Daud Bakar
https://cqr.um.edu.my/	Quranic & Islamic research centre in Malaysia, by University of Malaya.
http://faraid.usm.my/	Laman web Faraid USM
http://www.esyariah.gov.my/	Laman web rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
http://www.halal.gov.my/	Laman web rasmi Halal Malaysia
https://www.jaim.gov.my/	Jabatan Agama Islam Melaka
https://jainj.johor.gov.my/	Jabatan Agama Islam Negeri Johor
https://jaip.pahang.gov.my/	Jabatan Agama Islam Pahang
http://jaipk.perak.gov.my/	Jabatan Agama Islam Perak
https://jais.sarawak.gov.my/	Jabatan Agama Islam Sarawak
https://www.jais.gov.my/	Jabatan Agama Islam Selangor
https://www.jawi.gov.my/	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
http://www.jaheaik.gov.my/	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
https://jheaik.kedah.gov.my/	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
https://jheains.sabah.gov.my/	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
https://jheains.ns.gov.my/	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
https://www.maips.gov.my/	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
http://jaipp.penang.gov.my/	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
http://jheatweb.terengganu.gov.my/	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Keperluan kepada rekabentuk laman web bukan sekadar kelihatan cantik, tetapi rekabentuk yang digunakan haruslah mampu menyampaikan maklumat dengan berkesan, berautoriti serta semasa dan ini mampu memberi impak yang sangat besar kepada sesuatu laman web. Ini boleh dilihat seperti Rajah 1 dan 2 seperti di bawah:

Rajah 1: Laman Web JAKIM




Rajah 2: Laman Web IKIM




Selain daripada kesahihan dan reka bentuk laman web, pencarian maklumat Islam yang selalu pengguna layari adalah mengikut tajuk-tajuk tertentu seperti pendidikan, Islam, agama dan lain-lain lagi. Ini boleh dilihat di Rajah 3 dan 4.

Rajah 3: Maklumat pencarian “Islam” worldwide dari Google Trend May 2020 - May 2021
<https://trends.google.com/trends/explore?q=islam>



Rajah 4: Maklumat pencarian “Islam” di Malaysia dari Google Trend May 2020 - May 2021



METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Metode kualitatif boleh difinisikan sebagai kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. (Jasmi, K.A., 2012). Pengkaji menjalankan penyelidikan perpustakaan untuk mendapatkan data yang relevan di mana rujukan yang terdiri dari

literatur dalam bentuk buku, jurnal, artikel dan beberapa laman web yang relevan. Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan laman web Islam, karya pengkaji Muslim terdahulu juga dirujuk, kerana ia memberikan pandangan dan maklumat yang berkaitan dengan fokus perbincangan. Pendekatan analisis dokumen untuk menilai kualiti laman web Islam yang telah wujud serta menambahbaik model penilaian laman web Islam. Selain itu, data tersebut juga terdiri dari keterangan yang diperoleh melalui wawancara dalam talian dan luar talian dengan pakar-pakar terhadap ciri-ciri reka bentuk dan isi kandungan laman web Islam. Penyelidikan ini memfokuskan bagaimana gelagat pengguna Muslim mencari maklumat Islam di laman web.

Tujuan kajian ini adalah untuk memahami proses penilaian laman web Islam yang menepati ciri-ciri kehendak dalam Islam. Dokumen yang diperolehi adalah sumber yang relevan yang diambil daripada jurnal dan artikel yang telah diterbitkan dan mempunyai dapatan kajian yang dapat baik. Menurut Othman (2006) penyelidik perlu memberi perhatian dalam menggunakan bahan dokumen sebagai sebahagian daripada reka bentuk pengumpulan data kajian mestilah berkaitan dengan persoalan kebolehan dapatan atau kemudahan dapatan data. Oleh sebab itu, bahan-bahan yang diperolehi dalam kajian ini mestilah berpandukan kepada analisis penilaian terhadap laman web yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu.

ANALISA DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini mendapati tiga ciri utama yang menjadi faktor pendorong kepada pengguna Islam untuk mencari maklumat Islam di internet adalah seperti berikut:

i. Isi Kandungan Laman Sesawang

Setiap laman sesawang yang dibangunkan mempunyai isi kandungan atau maklumat yang ingin disampaikan kepada umum. Pelbagai jenis maklumat yang disediakan bagi tujuan tertentu samada sebagai perkongsian maklumat atau memberikan pengenalan kepada sesebuah organisasi atau individu. Para cendekiawan dan sarjana masa kini banyak menggunakan laman sesawang untuk berkongsi maklumat kepada masyarakat sebagai contoh di Malaysia, laman sesawang <http://zaharuddin.net/> adalah Penerima Anugerah Media Islam Negara Ke-3, Laman Web Islamik terbaik sebagai laman web rasminya yang dibangunkan untuk menjawab isu-isu semasa, permasalahan umat Islam dan sebagainya. Ianya juga disokong oleh laman sosial (seperti FB, Instagram, Twitter, Youtube yang Official) bersifat web 2.0 yang lebih interaktif bagi memudahkan pengguna berinteraksi, ini merupakan salah satu kaedah untuk menyebarkan agama Islam melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Youtube adalah platform lamanweb yang tergolong dalam kelompok bentuk aplikasi content communities Ianya membenarkan pengguna untuk

mendapatkan maklumat seperti video, gambar, ebook, dan audio. Maklumat yang diperolehi dari Youtube tidak hanya terhad kepada sesuatu bidang tertentu sahaja, malah mencakupi pelbagai bidang terutamanya hiburan, ekonomi dan politik. Namun, seiring dengan kemajuan yang dikecapi, memperlihatkan Youtube telah banyak digunakan sebagai salah satu medium keagamaan, termasuklah agama Islam. (Intan Kurnia Ahmad & Haryati Karim, 2020).

ii. Reka Bentuk

Reka bentuk Islam merupakan aspek tambahan yang perlu ada dalam sesebuah laman sesawang Islam, daya tarikan bagi laman sesawang juga dilihat berdasarkan kesediaan laman web tersebut untuk di akses oleh pengguna Internet. Laman web yang baik ialah laman web yang mempunyai susunan atau organisasi maklumat yang dirancang dengan baik. Lokasi, grafik, foto, animasi, audio dan video harus mengambil kira tahap keutamaan maklumat dan tujuan maklumat. Misalnya orang membaca dari kiri ke kanan, oleh pemaparan sesuatu maklumat sampingan diletakkan pada sebelah kanan atau bawah. Penyusunan tajuk, subtajuk, dan anak-anak kepada subtajuk harus disusun dengan rapi untuk memudahkan pelanggan melayari laman web anda. Manakala tujuan maklumat menjadi penentu dalam penyusunan maklumat. Misalnya, ada foto yang diletakkan di bahagian atas untuk tujuan menarik perhatian pengguna; ada juga foto yang digunakan memberi contoh atau ilustrasi bagi menyokong maklumat utama; ada juga foto digunakan hanya sebagai penghias laman. (Supyan Hussin, 2010). Dalam proses pembangunan perisian pendidikan, aspek reka bentuk adalah amat penting untuk memastikan keberkesanan yang maksimum perisian tersebut bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Reka bentuk antara muka yang lemah berpotensi mengganggu pembelajaran dari sudut meningkatkan tempoh masa belajar, rintangan dan bebanan kognitif. Oleh itu pembangun perisian pendidikan seharusnya mereka bentuk antara muka berpandukan teori-teori atau model-model dalam bidang berkaitan bukan berdasarkan keinginan semata-mata. (Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Nor Khayati Basir, 2019)

iii. Kredibiliti Penulis

Maklumat dalam media sosial tidak semestinya tepat dan benar. Oleh itu, penting bagi pengguna mengesahkan apa yang disebarkan di media sosial. Satu kajian dijalankan Nur Azira Rameli dari Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap 200 pemuda Malaysia yang memberi respons kepada soal selidik mengenai penggunaan media sosial dan tabayyun mendedahkan, konsep itu adalah elemen penting dalam mengesahkan maklumat daripada media sosial dalam konteks Malaysia. Menurut ulama abad ke-14, Ibn Kathir, tabayyun

adalah proses pemantauan berita atau peristiwa sebelum disebarkan. Konsep tabayyun memerlukan individu lebih berhati-hati membuat kesimpulan. Ia adalah konsep Islam yang bermaksud pengesahan. Konsep Islam tabayyun termasuk mengesahkan watak dan kredibiliti pembawa maklumat. Istilah tabayyun melampaui makna linguistik untuk mengambil makna yang berakar dari al-Quran. Tabayyun dibentangkan dalam al-Quran diikat dengan watak pembawa maklumat. Pembawa maklumat perlu menjadi individu yang boleh dipercayai untuk penerimaan maklumat berkenaan. Amalan tabayyun relevan dan perlu untuk penyebaran maklumat di media sosial. Konsep tabayyun harus difahami dan disebarkan kepada masyarakat dalam menghadapi isu-isu baru dalam masyarakat. Pengguna juga perlu berhati-hati mencari maklumat atau berita di media sosial. Terlalu banyak maklumat terdapat di media sosial kredibilitinya boleh dipertikaikan. Dari mana maklumat dan berita itu ditemui, siapa sumber dan sejauh mana kesahihan maklumat dipaparkan di media sosial selalu menjadi tanda tanya. Oleh itu, amalan tabayyun di media sosial menjadi aspek penting dalam memperoleh dan menyebarkan sebarang maklumat. Amalan menyelidik dan mengkaji setiap maklumat diterima dengan memastikan sumbernya sah, membolehkan orang ramai mendapat maklumat lebih tepat sambil mengelak salah faham serta fitnah. (Ali Salman, 2019).

KESIMPULAN

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia hari ini. Kemajuan yang begitu pesat telah menyebabkan munculnya teknologi dan inovasi baru yang mengubah gaya hidup dan pemikiran masyarakat dunia, khusus di Malaysia. Kewujudan media baru seperti laman web, blog dan laman web sosial telah mengubah gaya hidup masyarakat masa kini. Pelbagai maklumat Islam di internet yang telah diusahakan atau dibangunkan merentasi persoalan mazhab, ideologi, situasi politik, sosial dan ekonomi masyarakat. Laman web Islam merupakan satu medium yang boleh digunakan untuk menyebarkan dakwah Islam. Susunan laman web yang teratur dan disertakan sambungan-sambungan yang jelas akan menjadi daya tarikan kepada pengguna internet. Susunan data dan informasi yang ingin dimasukkan mestilah kelihatan kemas. Ini akan memudahkan pengguna memperolehi sebarang informasi yang dikehendaki mereka. Hasil Kajian ini sangat penting sebagai satu panduan dalam membina reka bentuk laman web yang lebih berkualiti dan boleh dipercayai dan secara tidak langsung akan mengoptimum penggunaan laman web dalam pencarian maklumat Islam. Begitu juga laman web yang baik dan berkualiti mempunyai impak yang sangat besar kepada maklumat yang akan disampaikan

Penerokaan maklumat Islam di internet dianggap sebagai salah satu cara mendapatkan maklumat secara mudah, pantas dan boleh di akses oleh seluruh masyarakat di dunia.

RUJUKAN

Ab Kadir, K, Noraidah Sahari @ Ashaari, Hairulliza Mohamad Judi (2019). Indikator Kewibawaan Maklumat Islam di Media Sosial Melalui Kesepakatan Pakar. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication.35(2).

Retrieved from: <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/33514>

Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Nor Khayati Basir (2019). Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) Di Politeknik. Journal of Social Sciences and Humanities - Bangi.

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/331513390_Penggunaan_Aplikasi_Web_2_0_Dalam_Proses_Pembelajaran_Dan_Pengajaran_Kursus_Mata_Pelajaran_Umum_MPU_Di_Politeknik

Al Idrus, M. D. & Solehan, M. L. (2009). Peranan ICT dalam penyebaran dakwah dalam era globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah Di IPT Dan Komuniti. UTHM, Johor.

Retrieved from: <https://core.ac.uk/download/pdf/12006937.pdf>

Ali Salman (2019). Tabayyun Bendung Maklumat Negative. my metro.

Retrieved from:

<https://www.hmetro.com.my/addin/2019/07/475915/tabayyun-bendung-maklumat-negatif>

Campbell, H. (2011) Religious authority and the Internet. In book: The Handbook of Internet Studies pp.232 - 250

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/229568244_Internet_and_Religion

Case, D. O. (2002). Looking for information: a survey of research and information seeking, needs, and behaviour. Journal of the Medical Library Association, 91(2), 259-260.

Retrieved from: <https://www.ncbi.nlm.nih.gov>.

Eleanor T. Loiacono, Richard T. Watson & Dale L. Goodhue (2007). WebQual: An Instrument for Consumer Evaluation of Web Sites.

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/271720859_WebQual_An_Instrument_for_Consumer_Evaluation_of_Web_Sites

Hameed, S. A. (2009). Software engineering ethical principles based on Islamic values. *JSW*, 4(6), 563-570.

Retrieved from:

<http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.595.8675&rep=rep1&type=pdf>.

Intan Kurnia Ahmad, Dr. Haryati Karim (2020) Penerimaan Youtube Sebagai Sumber Maklumat Agama Islam Dalam Kalangan Masyarakat Di Kampung Ulu Putatan, Sabah: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (Tam) Dan Teori Kredibiliti. pp177.

Retrieved from:

<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jobsts/article/view/2802/1850>

Ji Hee Song & G.M. Zinkhan (2003). Features of web site design, perceptions of web site quality, and patronage behaviour. *ACME*. 106-114.

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/291312067_Features_of_web_site_design_perceptions_of_web_site_quality_and_patronage_behaviour

Johan Johan @ Eddy Luaran (2013). Pengintegrasian Web 2.0 dalam Pengajaran dan Pembelajaran subjek Sejarah dan Geografi. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi. UMS. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, Vol. 6, Number 1, 2020 ISSN 2462-2095. Universiti Malaysia Sabah.

Retrieved from:

<https://www.ums.edu.my/fpp/images/stories/Document/SPSG2013/pengintegrasian%20web%202.0%20dalam%20pengajaran%20dan%20pembelajaran%20subjek%20sejarah%20dan%20geografi.pdf>

Jasmi, K.A (2012) Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka.

Retrieved from:

http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf

Kingrey, K. P. (2002). Concepts of information seeking and their presence in the practical library literature. *Library philosophy and practice*, 4(2), 1-14.

Retrieved from:

<https://core.ac.uk/reader/188046850>.

Mansur Aliyu, Murni Mahmud, Abu Osman Md Tap & Rasheed Nassr. (2013). A Preliminary Investigation of Islamic Websites' Design Features that Influence Use: A Proposed Model. *Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries* 58(1).

Retrieved from:

<https://www.researchgate.net/publication/257003848>

Mohd Azul Mohamad Salleh & Nor Azita Ghani, (2003). Pola Pemaparan Kandungan Maklumat Islam Menerusi Internet: Kajian Kes Terhadap Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia. Vol 19. Retrieved from:

<https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/22165>

Murni Mahmud, Abu Osman Md. Tap, Idyawati Hussein, Mansur Aliyu (2012). Content evaluation of Islamic websites. *Southeast Asian Network of Ergonomics Societies Conference (SEANES)*.

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/233960386_Content_evaluation_of_Islamic_websites

Mohd Faisol Ibrahim (2014). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat. *Jurnal Pengurusan* 42:119-130.

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/285140643_Sistem_Laman_Sesawang

Nor Azah Abdul Aziz (2010). Internet, Laman Web Pornografi Dan Kaedah Psikospiritual Islam Dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi. *Jurnal Usuluddin UM* . vol 29 pp150.

Retrieved from:

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/7306/4951/>

Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh (2017). Cabaran Dakwah Islam Di Alam Siber. eBangi - Special Articles.

Retrieved from:

<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/22742/7214>

Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseamnah Abd. Rauf (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan. The Online Journal of Islamic Education, 3 June, Vol. 1 Issue 2.

Retrieved from:

<https://ajba.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5534/3291>

Othman Lebar (2006). Pengenalan Kepada Teori Dan Metod .Pengajaran. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Retrieved from:

<https://www.worldcat.org/title/penyelidikan-kualitatif-pengenalan-kepada-teori-dan-metod/oclc/76743150>

Pitchan, M. A., Abd Rahman, S. N. H., & Kashim, M. I. A. M. (2018). Teori Al-Daruriyyat Dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication. 34(4).

Retrieved from:

<https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/28011>.

Supyan Hussin (2010). Pembangunan Laman Web dan Kaedah Reka Bentuk. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Retrieved from:

https://www.researchgate.net/publication/282503789_Pembangunan_Laman_Web_dan_Kaedah_Reka_Bentuk

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.